

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 (8)

Tarikh : **26** Jun 2024

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 3/2024

KETETAPAN PEMILIHAN AHLI PANEL PENILAI (APP) OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI BAGI PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA, AKREDITASI PENUH DAN PEMATUHAN PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi memastikan penilaian akreditasi program Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berstatus swaakreditasi dikendalikan dengan adil, telus dan menepati objektif yang dihasratkan, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, Mqa) telah membangunkan Ketetapan Pemilihan Ahli Panel Penilai (APP) oleh PPT Berstatus Swaakreditasi Bagi Penilaian Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pematuhan Program (**Lampiran 1**).

3. Sehubungan itu, PPT berstatus swaakreditasi dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya dan memastikan urusan pelantikan APP bagi penilaian akreditasi di PPT masing-masing adalah selari atau lebih baik daripada ketetapan yang dinyatakan tersebut.

4. Ketetapan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5. ‘Dokumen Ketetapan Pemilihan APP oleh PPT Berstatus Swaakreditasi bagi Penilaian Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pematuhan Program’ boleh juga dimuat turun melalui portal Mqa, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

LAMPIRAN 1

KETETAPAN PEMILIHAN AHLI PANEL PENILAI (APP) OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI BAGI PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA, AKREDITASI PENUH DAN PEMATUHAN PROGRAM

1. Komposisi APP hendaklah terdiri daripada APP luar¹ yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang program yang dinilai.
2. APP perlu mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi dari program yang dinilai iaitu bagi program peringkat Sijil hingga Ijazah Sarjana kecuali bagi bidang-bidang kritikal².
3. Jumlah minimum APP luar adalah berdasarkan jenis penilaian seperti berikut:

Bil.	Jenis Penilaian	Jumlah Minimum APP
i.	Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh	Dua orang
ii.	Pematuhan Akreditasi	Seorang

4. Setiap APP luar yang dilantik bagi menilai sesuatu program hendaklah dari institusi yang berbeza.
5. Penambahan bilangan APP diperlukan jika APP yang dilantik tidak mempunyai kepakaran untuk menilai lebih dari satu bidang seperti dual major, major-minor dan hibrid; atau sekiranya melibatkan program *Work-based Learning* (WBL), mod industri, *Open and Distance Learning* (ODL), TVET dan juga program pendidikan.
6. Setiap APP luar perlu menilai semua bidang jaminan kualiti dalam COPPA dan melengkapkan proses penilaian secara keseluruhan termasuk penilaian terhadap maklum balas penambahbaikan oleh fakulti.
7. Jika terdapat tambahan lantikan APP dalaman, APP luar hendaklah menjadi Pengerusi kepada panel. APP dalaman yang dilantik hendaklah dari fakulti yang berbeza atau kampus cawangan PPT dalam bidang program yang berbeza dengan program dinilai. APP dalaman hendaklah tidak terlibat secara langsung atau tidak mempunyai kepentingan dengan program yang dinilai.

¹ APP luar merujuk kepada panel dari universiti/institusi berbeza.

² Bidang kritikal ialah bidang di mana kepakaran bidang tersebut sukar diperolehi dalam negara. Bagi bidang kritikal, kelayakan APP luar boleh pada tahap yang sama dengan syarat mempunyai pengalaman industri yang luas dalam bidang berkaitan.

8. PPT perlu mempunyai polisi, prosedur dan terma rujukan pelantikan APP yang jelas.
9. Pusat Jaminan Kualiti PPT Swaakreditasi selaku moderator/ urus setia dalam penilaian program hendaklah memastikan pemilihan APP luar adalah bersesuaian dan memastikan APP menghasilkan laporan yang komprehensif selari dengan Panduan Takrifan Laporan Penilaian Akreditasi Program yang Komprehensif dan Berkualiti PPT Swaakreditasi yang dimaklumkan menerusi Surat Makluman MQA Bil. 6/2023.